

24 NOV 2002

Lim-Penggal/I

AH LEK MAHU TEMPOH KHIDMAT PRESIDEN MCA SETAKAT TIGA PENGKAL

IPOH, 24 Nov (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek telah menggesa bagi pindaan perlembagaan parti untuk mengehendkan tempoh perkhidmatan presiden kepada maksimum tiga pengkal atau sembilan tahun.

Lim berkata cadangan itu berdasarkan hasrat peringkat bawahan parti dan masyarakat Cina yang tidak berpuashati dengan cara MCA ditadbir sekarang.

"Sebagai timbalan presiden, saya akan melakukan yang terbaik bagi memastikan hasrat anggota untuk menukar perlembagaan dipenuhi," katanya pada jamuan malam perpaduan anjuran MCA bahagian Kampar, Batu Gajah dan Tambun yang dihadiri kira-kira 2,000 orang di sini malam tadi.

Yang turut hadir ialah dua naib presiden Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy serta pemimpin negeri yang dikaitkan dengan kumpulan yang digelar "Team B," diketuai Lim.

Presiden Datuk Seri Dr Ling Liong Sik telah memegang tonggak kepimpinan parti sejak 1986, selepas mengambil alih daripada Datuk Tan Koon Swan sementara Lim menjadi timbalan pada 1990 menggantikan Datuk Lee Kim Sai.

Kedua-duanya mengekalkan jawatan masing-masing pada perhimpunan agung parti tahun ini selepas satu rancangan damai dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lim berkata beliau dan beberapa pemimpin lain dalam "Tema B" akan menjelajah seluruh negara untuk berjumpa dengan anggota bawahan dan menjalankan reformasi dalam parti itu, parti komponen kedua terbesar dalam BN.

"Orang ramai mahu melihat perubahan dalam MCA. Sebagai sebuah parti yang telah membaktikan diri mewakili masyarakat Cina, kita harus memenuhi hasrat mereka dan membalas kepercayaan masyarakat Cina terhaap kita," katanya.

Lim berkata para anggota MCA juga tidak puashati dengan isu anggota hantu yang menjejaskan parti dan mahu pucuk pimpinan menjalankan proses mengeluarkan anggota seumpama ini.

"MCA harus menjalankan usaha seumpama itu seperti yang dilakukan Suruhanjaya Pilihanraya untuk menghapuskan pemilih hantu. Tetapi saya tidak berpuashati kerana ada pemimpin tertentu tidak begitu menyokong langkah itu," katanya.

Chan yang turut berucap pada majlis itu, berkata beliau menjangkakan satu perubahan dalam kepimpinan parti tetapi tidak mengulas lanjut.

"Kita berharap satu peralihan kuasa akan berjalan lancar seperti yang berlaku di China baru-baru ini," katanya.

-- BERNAMA

AR RON